

# Waris penumpang, kru menuntut pembelaan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa segera menyelesaikan isu yang membelenggu waris kepada 32 penumpang dan kru pesawat MH370 yang hilang daripada radar ketika dalam penerbangan ke Beijing, pada Mac 2014.

Peguam mewakili semua waris itu, Balan Nair turut menggesa supaya Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, supaya memberi keutamaan terhadap isu terbabit bagi memastikan ahli keluarga menerima keadilan sewajarnya melalui jumlah pampasan akan diberikan.


Ia membabitkan kertas Kabinet disediakan Kementerian Pengangkutan yang memperincikan kaedah penyelesaian dan dijadual dibentangkan kepada Perdana Menteri.

“Waris sentiasa dibebani dengan isu pampasan, pemberitaan dan pertanyaan berterusan mengenai kehilangan MH370 daripada pihak berkaitan serta naratif berbentuk spekulasi yang

sangat mengganggu, sedangkan mereka berusaha membina semula kehidupan masing-masing.

“Malah, pelbagai pihak meminta supaya menyambung semula misi pencarian MH370 dalam pemberitaan sempena ulang tahun keenam tragedi terbabit, baru-baru ini.

“Selain itu, pengesahan bagi pampasan yang akan ditawarkan

 **Pelbagai pihak meminta supaya menyambung semula misi pencarian MH370 dalam pemberitaan sempena ulang tahun keenam tragedi terbabit, baru-baru ini.**

**Balan Nair,**  
Peguam

kepada waris bakal memberi harapan baharu untuk meneruskan kehidupan mereka,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Sabtu lalu, seorang waris, Intan Maizura Othaman, 40, merayu kerajaan baharu pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, supaya menyambung semula misi pencarian MH370 yang hilang sejak 8 Mac 2014.

Walaupun sudah enam tahun berlalu, harapan mereka masih tetap sama iaitu ingin melihat sendiri bangkai pesawat itu ditemui supaya mereka boleh meneruskan kehidupan dengan tenang, tanpa tanda tanya lagi.

Bulan lalu, Kementerian Pengangkutan menjelaskan Malaysia tidak pernah memutuskan sebarang misi baharu bagi meneruskan pencarian pesawat MH370, berikutan tiada bukti dipercayai yang boleh dijadikan asas untuk memulakan usaha itu.

Pada 3 Mac 2016, 76 waris se-

laku plaintif memfailkan saman kecuaiian terhadap Malaysia Airlines System Berhad (MAS) dan empat yang lain berhubung kehilangan 32 anggota keluarga mereka ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014.

Mereka terdiri daripada 66 warga China, lapan warga India dan dua warga Amerika Syarikat (AS) itu menamakan MAS, Malaysia Airlines Bhd (Malaysia Airlines), Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (sekarang dikenali Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Kerajaan Malaysia selaku defendan.

Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan permohonan Malaysia Airlines untuk membatalkan saman kecuaiian dikemukakan terhadapnya oleh 76 waris kepada 32 penumpang pesawat MH370, pada 30 Oktober 2018.